



## Siaran Akhbar

### NADI MCMC DINOBAT JUARA PERKHIDMATAN TERBAIK DI PROGRAM MADANI RAKYAT MELAKA 2025

**MERLIMAU, 20 Oktober 2025** -- Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI), inisiatif di bawah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC), sekali lagi mencatat kejayaan apabila diumumkan sebagai penerima Anugerah Perkhidmatan Terbaik di Program MADANI Rakyat (PMR) Melaka 2025, yang dirasmikan oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar Bin Ibrahim.

Program ini menandakan kesinambungan usaha NADI dalam mendekati rakyat di seluruh negara. Bermula di Tawau, Sabah, siri PMR 2025 diteruskan ke lapan (8) lokasi lain, dengan setiap edisi menampilkan pendekatan dan aktiviti yang berbeza untuk menarik minat pelbagai lapisan masyarakat.

Antara tarikan utama di reruai NADI termasuk pameran dron, pengalaman realiti maya (VR), aktiviti robotik dan STEM melalui modul Tiny Techies serta pemeriksaan kesihatan jantung menggunakan teknologi kecerdasan buatan (AI) — yang memperkenalkan teknologi terkini dengan cara yang mudah difahami oleh komuniti setempat.

Golongan belia turut menunjukkan penyertaan aktif melalui Kempen Internet Selamat (KIS) dan pertandingan e-Sukan NADI MADANI seperti *Mobile Legends* dan *e-Football*. Dalam masa yang sama, Perkhidmatan Pintar NADI menarik perhatian dengan lima (5) fokus utama — Keusahawanan, Pembelajaran Sepanjang Hayat, Kesejahteraan Kendiri, Kesedaran dan Inisiatif Kerajaan — bagi membantu masyarakat mempertingkatkan kemahiran digital dan ekonomi.

Sepanjang siri PMR tahun ini, lebih 10,000 ahli baharu telah mendaftar dengan NADI, manakala lebih 15,000 pengunjung menyertai pelbagai aktiviti interaktif dan pameran di reruai NADI di seluruh negara.

Kejayaan ini membuktikan sambutan hangat rakyat terhadap usaha berterusan MCMC melalui NADI dalam memperkasakan komuniti dengan kemahiran digital, akses teknologi dan maklumat, seiring dengan matlamat untuk merapatkan jurang digital serta meningkatkan kesejahteraan sosioekonomi rakyat Malaysia.

Anugerah berprestij ini disampaikan oleh Pengarah Seksyen Program Strategik, Unit Penyelarasan Lonjakan Prestasi (PACU), Jabatan Perdana Menteri; Encik Mohd Zainuddin Mohd Noor kepada Ketua Pejabat NADI MCMC, Encik Mohd Arif Adenan.

Lebih membanggakan, kejayaan ini turut diiktiraf di peringkat antarabangsa apabila inisiatif NADI memenangi kategori *Capacity Building di World Summit on the Information Society (WSIS) Prizes 2025* di Geneva pada Julai lalu. Pengiktirafan ini menonjolkan NADI sebagai contoh terbaik pelaksanaan pusat maklumat komuniti di Pulau Banggi, Sabah yang berjaya memperkasa penduduk luar bandar agar tidak ketinggalan dalam arus teknologi digital.

Kini, terdapat 1,099 pusat NADI di seluruh negara dengan keahlian melebihi 1.8 juta orang. Inisiatif ini selaras dengan aspirasi 1 DUN 1 NADI, yang bertujuan memperluas capaian maklumat dan memperkasa komuniti digital di setiap kawasan seluruh Malaysia.

## LAMPIRAN GAMBAR



KETUA Pejabat NADI MCMC, Mohd Arif Adenan bersama-sama dengan pegawai MCMC lain meraikan kejayaan memenangi Anugerah Perkhidmatan Terbaik pada Program MADANI Rakyat (PMR) Melaka 2025.

## KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission  
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA  
T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: corporate.communications@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my

